

KERELEVANAN DAN KEBOLEHTERIMAAN KETERANGAN SAKSI ORANG KURANG UPAYA DI MAHKAMAH SIVIL: ANALISIS PERUNDANGAN DI MALAYSIA

SURIANOM BINTI MISKAM
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
surianom@uis.edu.my

ABSTRAK

Laporan media sering mendedahkan pelbagai isu undang-undang melibatkan orang kurang upaya (OKU) yang menjadi mangsa kes jenayah. Dalam suatu kes jenayah yang melibatkan OKU sebagai mangsa, apabila pihak pendakwaan memulakan perbicaraan terhadap tertuduh, mangsa akan dipanggil memberikan keterangan di mahkamah sebagai saksi. Sebagai golongan yang dikategorikan sebagai golongan rentan (vulnerable persons), pengalaman menjadi mangsa jenayah tentunya memberi kesan kepada diri mereka dan mempengaruhi mereka ketika melalui proses perbicaraan di mahkamah yang mungkin akan memberi kesan kepada keseluruhan kes pendakwaan. Disebabkan wujudnya pelbagai kategori dan tahap kurang upaya saksi OKU, maka timbulnya isu tentang kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan oleh saksi OKU ini di mahkamah untuk membuktikan kesalahan jenayah terhadap tertuduh. Kertas kerja ini akan menganalisis peruntukan undang-undang berkaitan kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan saksi OKU di mahkamah sivil dan aplikasinya dalam perbicaraan kes jenayah di Malaysia. Kertas kerja ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950, Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 dan kes-kes yang dilaporkan dalam jurnal undang-undang untuk menunjukkan aplikasi peruntukan undang-undang tersebut dalam amalan mahkamah sivil di Malaysia.

Kata Kunci: OKU, saksi, keterangan, kerelevanan, kebolehterimaan

PENGENALAN

Laporan media sering mendedahkan pelbagai isu undang-undang melibatkan orang kurang upaya (OKU) yang menjadi mangsa kes jenayah. Kes pengabaian dan penganiayaan membabitkan remaja Sindrom Down bernama Bella pernah menjadi perhatian ramai pada 2021. Kes tersebut menjadi perhatian ramai selepas tularnya video kanak-kanak berusia 13 tahun itu melecur teruk pada tangan, dada, leher dan paha akibat perlakuan oleh penjaganya. Tertuduh Siti Bainun Ahd Razali telah didapati bersalah pada 3 Mei 2024 di bawah sekyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001 dan tertuduh dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun bagi pertuduhan pertama iaitu pengabaian manakala bagi pertuduhan kedua iaitu menganiaya, tertuduh dikenakan hukuman penjara 12 tahun (Astro Awani, 2024). Pada April 2024, seorang wanita dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan denda RM6,000 oleh Mahkamah Sesyen kerana menyimbah seorang lelaki Sindrom Down dengan air panas ketika berada di dalam lif sebuah pangsapuri seperti yang tular di media sosial sebelumnya (Berita Harian, 2024). Dalam perkembangan mutakhir pula, seorang lelaki didakwa di Mahkamah Sesyen Muar pada 14 Julai 2024 atas 11 pertuduhan merogol dan amang seksual fizikal terhadap seorang pelajar perempuan orang kurang upaya (OKU) yang mempunyai kecacatan mental berusia 14 tahun antara Mac hingga Mei 2024 lalu (Berita Harian, 2024).

Dalam suatu kes jenayah yang melibatkan OKU sebagai mangsa, apabila pihak pendakwaan memulakan perbicaraan terhadap tertuduh, mangsa akan dipanggil memberikan keterangan di mahkamah sebagai saksi. Keterangan OKU adalah relevan dan penting untuk membuktikan

bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan yang ia telah dipertuduhkan kerana mangsa mungkin satu-satunya saksi yang berada di tempat dan masa yang dinyatakan dalam kertas pertuduhan. Sebagai golongan yang dikategorikan sebagai golongan rentan (*vulnerable persons*), pengalaman menjadi mangsa jenayah tentunya memberi kesan kepada diri dan mempengaruhi mereka ketika melalui proses perbicaraan di mahkamah yang mungkin akan memberi kesan kepada keseluruhan kes pendakwaan. Disebabkan wujudnya pelbagai kategori dan tahap kurang upaya saksi OKU, maka timbulnya isu tentang kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan oleh saksi OKU ini di mahkamah untuk membuktikan kesalahan jenayah terhadap tertuduh.

Berdasarkan latar belakang ini, kertas kerja ini akan menganalisis peruntukan undang-undang berkaitan kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan saksi OKU di mahkamah sivil dan aplikasinya dalam perbicaraan kes jenayah di Malaysia. Bahagian kedua kertas kerja ini membincangkan definisi orang kurang upaya dengan merujuk konvensyen antarabangsa, polisi, dasar dan undang-undang berkaitan serta kedudukan OKU sebagai saksi di mahkamah. Bahagian ketiga menerangkan metodologi yang digunakan manakala bahagian keempat menganalisis peruntukan undang-undang berkaitan kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan saksi OKU iaitu Akta Keterangan 1950 dan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007, dan kes-kes yang dilaporkan untuk menunjukkan aplikasi undang-undang berkaitan dalam amalan mahkamah sivil di Malaysia. Bahagian akhir membuat kesimpulan berdasarkan analisis dan perbincangan berkaitan.

SOROTAN LITERATUR

Definisi Orang Kurang Upaya (OKU)

OKU didefinisikan secara umumnya sebagai seseorang yang mempunyai kekurangan dari aspek fizikal, mental, dan sebagainya (Azmi & Mat Basir, 2020). Pelbagai terma digunakan yang merujuk kepada kelompok OKU termasuk orang kelainan upaya, golongan istimewa, golongan kurang bernasib baik, atau berkeperluan khas. Perbezaan terminologi antara kurang upaya (*disabilities*), kecacatan (*impairment*) dan kekurangan (*handicap*) dinyatakan dalam International Classification of Functioning, Disability and Health (ICF) yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2001. Kecacatan lebih bersifat fizikal dan biologi seperti mengalami kecacatan penglihatan (buta), atau pendengaran (pekak) manakala kurang upaya meliputi aspek kecacatan fizikal, serta halangan sikap dan persekitaran yang berlaku di sekeliling mereka, sekali gus menghalang aktiviti dan pelibatan mereka secara menyeluruh dan bermakna dalam masyarakat (Md. Tah & Mokthar, 2018).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), mentakrifkan OKU sebagai “seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada kehidupan sosialnya, sebagai seorang individu normal, akibat kekurangan keadaan fizikal atau mental”. OKU merujuk kepada seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya ataupun sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada daripada segi fizikal ataupun mental, sama ada ia berlaku semenjak lahir ataupun kemudiannya dan memerlukan bantuan daripada orang lain untuk meneruskan kehidupan mereka (Jaafar et. al, 2018). Menurut Artikel 1 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya, OKU termasuklah mereka yang mengalami ketidakupayaan jangka panjang dari segi mental, fizikal, intelektual atau deria yang menghalang mereka berinteraksi melalui penyertaan penuh dan efektif dalam masyarakat sama seperti orang lain (PBB, 2007).

Di peringkat Malaysia, bagi memenuhi obligasi antarabangsa, Dewan Rakyat meluluskan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) yang berasaskan pendekatan hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya. Walau bagaimanapun, Malaysia membuat reservasi peruntukan Artikel 15 dan Artikel 18, selain memilih untuk tidak menandatangani Protokol Pilihan. Ini adalah selari dengan komitmen Malaysia melalui Dasar Orang Kurang Upaya Negara pada 2007. Menurut seksyen 2 Akta OKU 2008, OKU ditakrifkan sebagai “mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”. Akta yang terdiri daripada 46 seksyen dan 5 bahagian ini, secara umumnya menggariskan panduan berkaitan dengan Majlis Kebangsaan bagi OKU, pendaftaran OKU, serta penggalak dan pembangunan kualiti hidup dan kesejahteraan OKU. Dua institusi utama yang mempunyai bidang kuasa dan tanggungjawab terhadap akta ini ialah Majlis Kebangsaan bagi OKU yang dijelaskan melalui seksyen 3 hingga seksyen 18, dan Jabatan Pembangunan OKU di bawah seksyen 10. Dalam pelan tindakan OKU 2016-2022, OKU didefinisikan sebagai “seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya secara efektif dalam masyarakat (Hakimin et. al., 2022; Krishnamoorti et. al., 2022; Tahir et al., 2020).

OKU dikategorikan kepada tujuh (7) kategori sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Kategori OKU

Bil.	Kategori	Catatan
1	Kurang Upaya Pendengaran	Ketidakupayaan pendengaran kekal pada kedua-dua belah telinga ATAU di sebelah telinga. Kecacatan telinga kekal merujuk kepada kecacatan struktur telinga / sindrom berkaitan yang mengganggu fungsi individu tersebut.
2.	Kurang Upaya Penglihatan	Buta kedua-dua belah mata ATAU buta di sebelah mata ATAU penglihatan terhad di kedua-dua belah mata ATAU lain-lain gangguan penglihatan kekal.
3	Kurang Upaya Pertuturan	Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini adalah kekal atau tidak akan sembuh. Bagi kanak-kanak, mestilah berdasarkan penilaian pada umur lima (5) tahun ke atas atau umur yang lebih awal bagi kes tertentu yang disahkan Pakar)
4	Kurang Upaya Fizikal	Ketidakupayaan kekal anggota badan sama ada disebabkan oleh kehilangan ATAU ketiadaan ATAU ketidakupayaan mana-mana anggota badan yang boleh menjejaskan fungsi mereka dalam melakukan aktiviti asas sepenuhnya. Aktiviti asas yang dimaksudkan ialah seperti penjagaan diri, pergerakan dan penukaran posisi tubuh badan. Keadaan ini boleh terjadi akibat daripada kecederaan (trauma) atau penyakit pada mana-mana sistem tubuh yang menyebabkan ketidakfungsian.
5	Kurang Upaya Pembelajaran	Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya.
6	Kurang Upaya Mental	Keadaan penyakit mental yang teruk menyebabkan seseorang itu tidak berupaya berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat.
7	Kurang Upaya Pelbagai	Mempunyai lebih daripada satu jenis ketidakupayaan.

(Sumber: Laman sesawang JKM, 2024)

OKU juga dikategorikan sebagai kumpulan minoriti dalam masyarakat yang mengalami ketidakupayaan dari segi fizikal dan mental. Elemen-elemen seperti mengalami masalah penglihatan, masalah pendengaran, kecacatan fizikal, keupayaan mental dan intelek, masalah sensori, keupayaan komunikasi, dan kelainan tingkah laku sosial merupakan ciri-ciri yang merujuk kepada OKU (Rahman, 2018).

Dari perspektif berbeza, OKU dapat dibahagikan kepada dua kelompok masyarakat iaitu kelompok golongan kanak-kanak istimewa atau kanak-kanak khas dan golongan istimewa dewasa dan warga tua. Kanak-kanak khas atau kanak-kanak istimewa ini boleh didefinisikan sebagai kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak normal dalam beberapa aspek. Antaranya adalah menerusi ciri-ciri keupayaan mental, sensori, keupayaan komunikasi, tingkah laku sosial ataupun ciri-ciri fizikal dan sebagainya (Ab. Aziz et. al., 2009). Ada juga pendapat yang mengkategorikan OKU kepada dua kumpulan kecacatan yang utama iaitu ketidakupayaan kekal dan ketidakupayaan secara sementara. Kategori ketidakupayaan kekal adalah golongan cacat anggota, cacat pendengaran, cacat penglihatan, terencat akal dan warga tua manakala individu yang cedera, sakit dan mengandung pula diletakkan di bawah kategori ketidakupayaan sementara. Oleh itu, OKU boleh disimpulkan sebagai kumpulan manusia yang mempunyai kekurangan dari segi fizikal atau mental, tidak seperti manusia normal (Baharudin & Ramli, 2020).

OKU Sebagai Saksi di Mahkamah

Saksi merupakan seorang individu yang dipanggil memberi keterangan di mahkamah tentang pengetahuan yang dimilikinya tentang sesuatu fakta dalam isu yang berlaku dalam suatu kes. Dalam suatu kes jenayah selalunya saksi merupakan mangsa atau individu lain yang mempunyai pengetahuan tentang kesalahan jenayah yang berlaku. Tertuduh juga boleh menjadi saksi sekiranya ia memilih untuk memberi keterangan apabila dipanggil membela diri di akhir kes pendakwaan. Dalam kes-kes tertentu, adalah menjadi cabaran besar kepada mahkamah dan pihak pendakwaan apabila saksi yang bakal dipanggil memberi keterangan merupakan OKU (Ab Hamid & Mustafa, 2021). Pihak pendakwaan tentunya menghadapi cabaran untuk mengemukakan keterangan melalui saksi yang pekak dan bisu kerana saksi tidak boleh bercakap atau mendengar memandangkan undang-undang menghendaki keterangan di mahkamah hendaklah diberikan secara lisan.

Sama seperti saksi dan mangsa yang normal, seorang saksi atau mangsa OKU perlu memberi keterangan berdasarkan apa yang telah dilihat, didengar atau dialami. Walau bagaimanapun, ada saksi ini yang tidak boleh mendengar atau melihat kejadian jenayah disebabkan mereka pekak atau buta atau disebabkan kecacatan mental, maka mereka mengalami kesukaran untuk memberikan keterangan ketika proses penyiasatan dan seterusnya perbicaraan di mahkamah (Benadet, 2007). Golongan OKU lebih terdedah kepada perbuatan jenayah dan dalam beberapa keadaan tidak dapat mempertahankan diri mereka sendiri disebabkan ketidakupayaan mereka itu (Ortoleva, 2020). Tidak dapat dinafikan proses memberi keterangan di mahkamah merupakan pengalaman yang mencabar dan penuh tekanan kepada mana-mana saksi.

Komunikasi memainkan peranan penting kerana saksi akan melalui peringkat pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula di mana saksi akan menjawab soalan-soalan yang diberikan tentang kejadian jenayah yang telah berlaku. Paling mencabar tentunya peringkat pemeriksaan balas di mana saksi akan berhadapan dengan soalan daripada

pihak pembelaan yang akan cuba mematahkan keterangan yang diberikan untuk melemahkan kes pendakwaan terhadap tertuduh. Bagi seorang saksi OKU terutamanya saksi dengan kurang upaya pembelajaran yang berkait rapat dengan tahap intelek, situasi ini akan lebih mencabar dirinya secara fizikal dan mental disebabkan penggunaan terma yang sukar difahami oleh saksi (Morrison et al., 2019).

METODOLOGI

Kertas kerja ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan merujuk kepada Akta Keterangan 1950, Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 dan kes-kes yang dilaporkan dalam jurnal undang-undang untuk menunjukkan aplikasi peruntukan undang-undang tersebut dalam amalan mahkamah sivil di Malaysia.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Apabila membincangkan tentang kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan, dua statut yang relevan ialah Akta Keterangan 1950 dan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007. Peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan beberapa kategori OKU dibincangkan sebagaimana berikut:

Akta Keterangan 1950

Akta Keterangan 1950 tidak memberikan tafsiran kepada terma saksi itu sendiri namun daripada kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah terdahulu, saksi ialah seseorang yang dipanggil memberi keterangan di mahkamah tentang apa yang dilihat, didengar atau ditanggap melalui panca inderanya (Alagan, 2020). Akta ini juga tidak memberikan definisi terma “orang kurang upaya”, maka rujukan perlu dibuat kepada peruntukan berkaitan dan kes-kes yang telah diputuskan.

Prinsip umumnya ialah seorang individu yang dipanggil sebagai saksi di mahkamah sebelum ia dibenarkan memberi keterangan hendaklah merupakan seorang saksi kompeten. Dalam semua kes sama ada jenayah atau sivil, saksi hendaklah memberi keterangan secara lisan di mahkamah terbuka kecuali dalam kes melibatkan pesalah kanak-kanak di mana kes akan dijalankan secara tertutup. Saksi ini kemudian dikehendaki bersumpah berdasarkan seksyen 6 (1) (a) Akta Sumpah dan Ikrar 1949. Apabila saksi mengangkat sumpah saksi itu hendaklah bercakap benar sepanjang ia memberi keterangan di mahkamah sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 13 Akta Sumpah dan Ikrar 1949 (Alagan, 2020).

Maka, syarat pertama yang mesti dipenuhi ialah saksi mestilah kompeten. Saksi kompeten bermaksud saksi boleh memahami soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya dan boleh memberikan jawapan yang rasional kepada soalan-soalan itu. Seksyen 118 memperuntukkan:

“Semua orang adalah kompeten untuk memberikan keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa mereka tidak boleh memahami soalan yang dikemukakan kepada mereka atau tidak dapat memberikan jawapan yang rasional kepada soalan itu oleh sebab umur terlalu muda, terlalu tua, penyakit, sama ada penyakit tubuh atau penyakit otak, atau oleh apa-apa sebab lain yang seumpamanya.”

Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa semua orang adalah saksi kompeten kecuali empat kategori saksi disebabkan umur yang terlalu muda, umur yang terlalu tua, penyakit sama ada

penyakit fizikal atau penyakit mental atau apa-apa sebab lain yang seumpamanya yang pada pendapat mahkamah mereka tidak dapat memberikan jawapan yang rasional kepada soalan-soalan yang akan dikemukakan kepadanya semasa prosiding perbicaraan. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak memberikan definisi atau huraian lanjut tentang kategori yang dinyatakan. Maka, rujukan perlu dibuat kepada keputusan mahkamah untuk melihat bagaimana mahkamah mentafsirkan peruntukan tersebut.

Dua kategori yang relevan dengan orang kurang upaya ialah kategori orang yang terlalu tua dan orang yang berpenyakit. Kedua-dua kategori ini tidak didefinisikan dalam Akta Keterangan 1950, namun boleh ditafsirkan sebagai merujuk kepada orang tua yang kehilangan memori atau kemampuan untuk mengingat fakta sehingga menyebabkan mereka tidak dapat memahami soalan yang dikemukakan kepada mereka. Situasi yang sama juga terpakai kepada orang mengalami penyakit yang menyebabkan mereka tidak dapat memahami soalan dan memberi jawapan kepada soalan-soalan sama ada penyakit tersebut penyakit fizikal atau mental.

Huraian kepada seksyen 118 yang merujuk kepada OKU dalam kategori kurang upaya mental menyatakan bahawa seseorang yang sakit otak atau seseorang gila bukanlah tidak kompeten untuk memberikan keterangan melainkan jika oleh sebab keadaannya dia tidak boleh memahami soalan yang dikemukakan kepadanya dan tidak dapat memberikan jawapan yang rasional kepada soalan itu. Fakta bahawa seseorang itu disahkan kurang upaya mental bukanlah secara automatik menyebabkan ia tidak layak menjadi saksi di mahkamah. Mahkamah masih perlu menentukan sama ada saksi itu dapat memahami soalan yang dikemukakan dan memberikan jawapan rasional. Hakim Edgar Joseph Jr dalam kes *Kee Lik Tian lwn PP [1984] 1 MLJ 306* memutuskan bahawa mahkamah perlu terlebih dahulu menentukan sama ada saksi itu saksi kompeten menurut seksyen 118 Akta Keterangan 1950 dengan mendapatkan pendapat pakar perubatan yang boleh diterima di bawah seksyen 45. Seterusnya, untuk layak menjadi saksi kompeten, saksi mestilah mampu memahami soalan yang dikemukakan dan menjawabnya dengan rasional.

Jelas di sini, syarat kompeten ini mestilah dipenuhi sebelum seorang saksi itu dibenarkan mengangkat sumpah dan memberi keterangan di mahkamah. Untuk menentukan sama ada seseorang itu saksi yang kompeten, mahkamah hendaklah menggunakan kuasa budi bicara untuk menguji kelayakan saksi dengan mengemukakan beberapa soalan yang bersesuaian. Mahkamah dalam kes *Mohamad Akhir bin Bakar lwn PP [2019] 12 MLJ 597* memutuskan bahawa mahkamah hendaklah menentukan kemampuan intelek dan kefahaman saksi untuk memberikan keterangan tentang apa yang telah dilihat, didengar atau dilakukan sebelum, semasa atau selepas berlakunya sesuatu kejadian jenayah berdasarkan keputusan. Mahkamah dalam kes *Shahmirul bin Salleh lwn PP [2011] MLJU 1005* memutuskan keupayaan intelek mesti dipertimbangkan untuk menentukan sama ada seorang saksi OKU itu merupakan saksi kompeten dengan merujuk kepada peruntukan seksyen 119 Akta Keterangan 1950.

Berkaitan saksi OKU dalam kategori berbeza, seorang saksi bisu boleh dianggap sebagai kompeten sekiranya ia boleh memberi keterangan secara bertulis atau isyarat dan mahkamah berpuas hati bahawa saksi memiliki tahap intelek yang mencukupi serta memahami kesan dan implikasi sumpah sebagaimana diputuskan dalam kes *Chai Kor lwn PP [1965] 2 MLJ 208 (FC)*. Ini adalah sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 119 (1):

“Seseorang saksi yang tidak dapat bercakap boleh memberikan keterangannya mengikut apa-apa cara lain yang menjadikannya boleh difahami, seperti, misalnya,

dengan tulisan atau isyarat; tetapi tulisan itu mestilah ditulis dan isyarat itu dibuat di dalam mahkamah terbuka.:

Saksi ini merupakan saksi yang kompeten sekiranya mereka dapat memahami soalan yang dikemukakan kepada mereka dan memberikan jawapan yang rasional kepada soalan-soalan itu sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen 118 dan 119. Seksyen 119 menyatakan secara spesifik kaedah untuk menerima keterangan oleh saksi pekak dan bisu. Saksi boleh memberi keterangan menggunakan cara yang boleh difahami (*intelligible*) seperti menggunakan tulisan atau isyarat yang diberikan dalam mahkamah terbuka. Sebagaimana saksi normal, setelah mengangkat sumpah, saksi OKU akan melalui peringkat pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula.

Keterangan yang diberikan menggunakan kaedah yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai keterangan lisan. Adalah jelas di sini peruntukan ini merujuk kepada OKU kategori kurang upaya pertuturan. Walaupun saksi tidak boleh bertutur secara lisan sebagaimana saksi yang normal, keterangannya dianggap sebagai keterangan lisan menurut Akta Keterangan 1950.

Walaupun seksyen 6 Akta Sumpah dan Ikrar 1949 mensyaratkan seorang saksi perlu mengangkat sumpah di dalam kandang saksi sebelum mula memberi keterangan, terdapat kes di mana saksi memberi keterangan tanpa sumpah setelah mahkamah berpendapat saksi tidak dapat memahami kesan dan implikasi sumpah disebabkan faktor seperti usia muda iaitu saksi kanak-kanak. Saksi kanak-kanak boleh memberi keterangan bersumpah sekiranya ia boleh memahami soalan dan menjawabnya dengan rasional dan sekiranya perkara sebaliknya, ia akan memberi keterangan tanpa sumpah. Menurut seksyen 8 Akta Sumpah dan Ikrar 1949, seorang yang berusia muda yang pada pendapat mahkamah tidak boleh memberi keterangan bersumpah hendaklah dibenarkan memberi keterangan setelah ia diberi amaran untuk bercakap benar tiada yang tidak benar melainkan benar belaka. Peruntukan ini hendaklah dibaca bersama seksyen 133A Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan berkenaan keterangan kanak-kanak yang masih muda. Usia muda di sini tidaklah secara automatik terjumlah kepada mana-mana kategori kurang upaya, namun kita akan melihat kepada beberapa kes di mana saksi kanak-kanak itu mengalami kurang upaya. Maka peruntukan ini adalah relevan dalam perbincangan ini.

Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 (AKSKK 2007)

Saksi kanak-kanak menurut seksyen 2 Akta ini adalah seseorang yang di bawah umur enam belas tahun yang dipanggil atau dicadangkan untuk dipanggil memberi keterangan dalam mana-mana prosiding tetapi tidak termasuk seorang tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan. Seksyen 12 (3) mendefinisikan “ketidakupayaan” termasuklah keterbatasan aktiviti yang diakibatkan oleh lemah fizikal, intelektual atau deria, keadaan kesihatan atau penyakit mental yang boleh bersifat kekal atau sementara.

Seksyen 12 (1) menyatakan saksi kanak-kanak yang mengalami apa-apa ketidakupayaan boleh, selain memberi keterangan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan dalam subseksyen 3(1) atau suatu gabungan cara yang ditetapkan dalam subseksyen itu, memberi keterangannya mengikut apa-apa cara lain yang menjadikannya boleh difahami. Seksyen 12 (2) selanjutnya menyatakan keterangan yang diberikan mengikut cara lain itu hendaklah disifatkan sebagai keterangan lisan.

Seksyen 3 membenarkan seseorang saksi kanak-kanak, pada mana-mana peringkat suatu perbicaraan, memberi keterangan dalam mana-mana satu atau gabungan cara yang berikut:

- (a) dengan mengadakan suatu pengadang di antara kanak-kanak itu dengan tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan;
- (b) dengan rangkaian secara langsung;
- (c) dengan rakaman video; atau
- (d) melalui pendengaran khas.

Keterangan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak menggunakan kaedah di atas adalah dianggap sebagai keterangan yang diberikan dalam mahkamah terbuka. Jelas di sini, seksyen 12 membenarkan saksi kanak-kanak memberi keterangan dengan menggunakan kaedah selain daripada yang dibenarkan di bawah seksyen 3 disebabkan ketidakupayaan yang dialami oleh saksi kanak-kanak tersebut.

Akta ini juga membuat peruntukan berkenaan kuasa mahkamah untuk melarang soalan tidak wajar yang berkaitan dengan ketidakupayaan saksi kanak-kanak tersebut. Seksyen 6B (1) memperuntukkan bahawa mahkamah hendaklah melarang apa-apa soalan tidak wajar kepada saksi kanak-kanak yang didapati oleh Mahkamah sebagai—

- (a) memperdayakan atau mengelirukan;
- (b) menghina, menakut-nakutkan, mengaibkan, mengganggu, menggusarkan, menyinggung, menindas atau mengulang secara tidak perlu;
- (c) memperkecil-kecilkan dalam cara atau nadanya atau selainnya tidak sesuai; atau
- (d) tidak berasas malah yang membuat tanggapan stereotaip berdasarkan jantina, ras, budaya atau etnik, umur atau ketidakupayaan saksi kanak-kanak itu.

Dalam menentukan kuasa budi bicaranya, mahkamah boleh mengambil kira faktor-faktor termasuk umur, kematangan, kerentanan atau ketidakupayaan saksi kanak-kanak itu dan juga latar belakang budaya atau kepercayaan agama saksi kanak-kanak itu. Ketidakupayaan saksi merupakan salah satu faktor yang membolehkan mahkamah melarang soalan sedemikian dikemukakan kepada saksi kanak-kanak.

Kerelevanan dan Kebolehterimaan Keterangan Saksi OKU di Mahkamah

Prinsip umum tentang kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan yang diperuntukkan di bawah Akta Keterangan 1950 adalah terpakai apabila membincangkan tentang kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan saksi OKU. Sebelum mahkamah memutuskan kebolehterimaan keterangan, saksi yang dikemukakan mestilah relevan kepada kes tersebut. Seksyen 3 menyatakan sesuatu itu dikatakan relevan dengan suatu fakta lain apabila fakta itu mempunyai hubungan dengan yang lain itu dengan mana-mana satu cara yang dinyatakan dalam peruntukan Akta ini berkaitan dengan kerelevanan fakta (Yunus, 2022).

Prinsip kerelevanan am di bawah peruntukan berikut adalah berkaitan:

- (a) Seksyen 5: Keterangan boleh diberi mengenai fakta isu dan fakta relevan
- (b) Seksyen 6: Kerelevanan fakta-fakta yang menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama
- (c) Seksyen 7: Fakta-fakta yang menjadi hal kejadian, sebab dan kesan bagi fakta isu
- (d) Seksyen 8: Motif, persediaan dan kelakuan yang dahulu atau yang kemudian
- (e) Seksyen 9: Fakta-fakta yang perlu untuk menghurai atau mengemukakan fakta-fakta relevan (Omar et. Al, 2018).

Maka, apabila keterangan yang akan diberikan oleh saksi ini adalah fakta yang termasuk dalam situasi di atas, maka keterangan itu merupakan keterangan yang relevan. Perlu diingat bahawa sebelum mahkamah boleh mensabitkan tertuduh dengan pertuduhan, keterangan saksi perlu disokong oleh keterangan bebas yang lain termasuklah keterangan saksi lain, saksi pakar, keterangan langsung atau keterangan mengikut keadaan sebagaimana prinsip yang diputuskan dalam kes *R v Baskerville [1916] 2 KB 648*.

Seksyen 136 memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah yang mendengar sesuatu kes untuk memutuskan tentang kebolehterimaan keterangan termasuklah keterangan yang dikemukakan melalui saksi OKU. Isu ini dibincangkan secara terperinci dalam kes-kes berikut untuk menunjukkan aplikasi peruntukan undang-undang tersebut dalam amalan mahkamah sivil di Malaysia.

Dalam kes *Chai Kor Iwn PP [1965] 2 MLJ 208* isu yang dibincangkan menjerus kepada isu kebolehterimaan keterangan salah seorang saksi pendakwaan yang merupakan seorang pekak dan bisu. Saksi telah memberi keterangan dengan menggunakan khidmat jurubahasa isyarat namun saksi tidak dapat memahami soalan yang diberikan dan keterangan yang diberikan juga tidak dapat difahami oleh jurubahasa isyarat sehingga berlaku kesilapan dalam menterjemahkan keterangan saksi. Hakim rayuan mendapati bahawa mahkamah bicara tidak sepatutnya menerima keterangan saksi kerana saksi tidak dapat disoal dengan betul dan keterangannya tidak dapat difahami. Saksi merupakan saksi tidak kompeten dan keterangannya tidak boleh diterima oleh mahkamah untuk mensabitkan tertuduh. Hakim berpendapat seorang saksi pekak bisu boleh menjadi saksi kompeten dengan syarat saksi boleh memahami soalan dan menjawab dengan rasional sebagaimana disyaratkan di bawah seksyen 118 Akta Keterangan 1950.

Mangsa rogol dalam kes *Kee Lik Tian v PP [1984] 1 MLJ 306* merupakan kanak-kanak perempuan berumur 12 ½ tahun yang mengalami kecacatan mental dengan IQ sangat rendah. Walaupun mahkamah bicara mendapati mangsa mengalami kecacatan mental dengan IQ sangat rendah namun mahkamah memutuskan saksi boleh dipercayai dan keterangannya boleh diterima. Pihak pembelaan memohon kepada mahkamah supaya mangsa dihantar kepada pakar psikiatri untuk penilaian dan disoal balas atas laporan psikiatri itu tetapi ditolak oleh mahkamah. Pada peringkat, mahkamah memutuskan bahawa mahkamah bicara sepatutnya merujuk kepada pendapat perubatan pakar untuk menentukan tahap mental saksi dan memastikan saksi memahami soalan yang dikemukakan dan memberikan jawapan yang rasional bagi menentukan bahawa mangsa adalah saksi yang kompeten.

Mangsa (SP5) dalam kes *Saipuddin bin Abdul Aziz and Others v PP [2009] MLJU 456* adalah seorang kanak-kanak perempuan pekak dan bisu sejak dilahirkan pada 22.12.1989 di Hospital Universiti, Kuala Lumpur. Mangsa (SP5) memberi keterangan secara bersumpah dengan menggunakan penterjemah bahasa isyarat iaitu Puan Tan Lee Bee yang didatangkan khas oleh mahkamah daripada Kuala Lumpur. Puan Tan Lee Bee telah mengangkat sumpah bagi tugas penterjemahan tersebut. Kaedah keterangan mangsa adalah mematuhi seksyen 119 Akta Keterangan, 1950 yang melibatkan saksi bisu. Hakim bicara telah melihat sendiri SP5 memberi keterangan. Tidak terdapat apa-apa keterangan daripada SP10 (ibu angkat SP5), atau SP9 (guru) atau SP8 (pakar psikiatri) yang dapat mengatakan SP5 memiliki kelebihan luar biasa atau kelebihan yang lebih daripada kanak-kanak yang sebaya yang normal. Sebaliknya SP8 mengatakan SP5 mengatakan “saya dapati walaupun Nurul pekak dan bisu tetapi punyai tahap intelek yang normal untuk umur dia dan beliau waras pemikiran”. Oleh

yang demikian mahkamah rayuan berpendapat keupayaan SP5 dalam mencamkan perogol-perogol tersebut hendaklah diuji mutu dan kebolehannya sama seperti saksi-saksi lain yang normal.

Dalam kes *Shahmirul bin Salleh lwn PP [2011] MLJU 1005*, perayu telah dituduh dengan kesalahan merogol di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan terhadap mangsa berumur 14 tahun yang pekak dan bisu. Keterangan mangsa menggunakan bahasa isyarat ini dibantu oleh dua orang jurubahasa isyarat terlatih. Mahkamah berpuas hati bahawa mangsa telah memberi keterangan sepertimana dikehendaki di bawah seksyen 119 Akta Keterangan 1950 dan keterangannya turut disokong dengan laporan perubatan oleh doktor yang menjalankan pemeriksaan selepas kejadian.

Perayu dalam kes *Md Amin bin Lajat lwn PP [2013] 8 MLJ 824* telah dituduh dengan kesalahan sumbang mahram terhadap anak kandungnya yang mempunyai IQ rendah. Mangsa seorang yang lembam tetapi boleh memahami soalan yang dikemukakan dan menceritakan kejadian rogol terhadapnya. Mahkamah berpuas hati bahawa mangsa merupakan saksi kompeten dan tidak termasuk di bawah kategori orang yang hilang kelayakan menjadi saksi di bawah seksyen 118 Akta Keterangan 1950. Walaubagaimanapun perayu telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan kerana keterangan mangsa tidak disokong dengan keterangan oleh saksi-saksi lain termasuklah laporan perubatan.

Alasan rayuan perayu yang ditimbulkan dalam kes *PP v Hamli Ak Mudai and Another Case [2021] MLJU 1767* ialah kelemahan dalam keterangan yang diberikan oleh mangsa (SP5) yang merupakan OKU kecacatan mental dan tidak boleh bercakap dengan baik. Hakim bicara mendapati mangsa mengalami kesukaran untuk menceritakan kejadian rogol yang berlaku namun keterangan mangsa adalah konsisten dan boleh dipercayai. Mangsa mempunyai masalah pembelajaran tetapi telah melakukan usaha terbaik untuk menerangkan menggunakan perkataannya sendiri apa yang berlaku kepada dirinya. Hakim menerima keterangan mangsa bahawa tertuduh telah merogolnya dan hubungan seksual telah berlaku tanpa kerelaan mangsa.

Isu ini juga telah dibincangkan dalam kes *Pendakwa Raya lwn Siti Bainun bt Ahd Razali [2023] MLJU 1423*. Mangsa dalam kes ini Bella adalah seorang kanak-kanak istimewa sindrom down yang mempunyai *intellectual disability moderate*. Penilaian klinikal yang dibuat oleh Dr. Wan Asyikin binti Wan Azlan (SP17) mencadangkan Bella mempunyai pemikiran seorang kanak-kanak berumur 7 tahun. Pihak pendakwaan telah memanggil Bella sebagai saksi pendakwaan ke-18 (SP18). Perbicaraan yang melibatkan Bella sebagai saksi telah dijalankan melalui rangkaian secara langsung selaras dengan seksyen 3(1)(b) AKSKK 2007. Sepanjang perbicaraan saksi Bella, Dr. Norjumawaton binti Shahrudin berada bersama saksi Bella sebagai perantara selaras dengan seksyen 8 AKSKK 2007. Selain itu, Puan Nurul Fahidah binti Azmi juga bersama Bella sepanjang perbicaraan saksi Bella berlangsung. Peranan Puan Nurul Fahidah adalah sebagai orang dewasa yang menemani saksi Bella selaras dengan seksyen 9 Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007. Selaras dengan seksyen 133A Akta Keterangan 1950, *preliminary enquiry* telah dijalankan sebelum Bella memberikan keterangan. Inkuiri tersebut dijalankan untuk menentukan sama ada Bella memahami kewajipan bercakap benar di Mahkamah, kesan dan akibat tidak bercakap benar. Hasil daripada *preliminary enquiry* ini hakim mendapati bahawa Bella memahami kewajipan bercakap benar namun Bella kurang memahami kesan memberi keterangan dengan bersumpah. Maka hakim telah memutuskan untuk Bella memberikan keterangan tanpa

sumpah. Keterangan tidak bersumpah oleh Bella adalah rendah nilai probatifnya. Seksyen 133A Akta Keterangan 1950 menyatakan keterangan Bella memerlukan keterangan sokongan (*corroboration*) seperti laporan perubatan atau pakar, keterangan *circumstantial* ataupun keterangan daripada saksi yang lain untuk mengaitkan tertuduh seperti yang dinyatakan dalam kes *R v Baskerville* [1916] 2 KB 658. Seterusnya hakim mendapati keterangan Bella wajar diterima sebagai keterangan yang menyokong keterangan SP5. Keterangan Bella yang jelas dan dapat difahami adalah keterangannya mengenai kecederaan di kedua-dua tangannya. Bella telah menunjukkan kedua-dua tangannya yang cedera berdasarkan gambar dalam ekshibit P6 (8), dan seterusnya menjelaskan tertuduh telah menyebabkan kecederaan pada tangan Bella dengan air panas di rumah tertuduh. Berdasarkan keterangan terus (*direct evidence*) oleh saksi mata SP5, yang telah disokong oleh keterangan saksi-saksi pakar, SP2, SP3, SP4 dan SP15, hakim mendapati tertuduh telah menganiaya mangsa dengan menyebabkan kecederaan fizikal dan emosi tersebut. Keterangan Bella juga menyokong keterangan SP5 terutamanya keterangan mengenai kecederaan lecur di kedua-dua lengan bawah Bella. Bella sendiri dengan jelas menyatakan bahawa kecederaan-kecederaan di lengannya adalah disebabkan oleh tertuduh dengan menggunakan air panas. Maka, jelas di sini hakim telah menerima keterangan Bella untuk membuktikan kes terhadap tertuduh.

Dalam kes *Buventhiran A/L Paramasivam v Public Prosecutor* [2024] MLJU 1122, salah seorang saksi iaitu SP3 merupakan seorang OKU masalah pembelajaran. Hakim mendapati bahawa SP3 dan SP4 merupakan saksi kompeten dan keterangan mereka boleh diterima untuk membuktikan elemen-elemen pertuduhan terhadap tertuduh walaupun pihak pembelaan cuba mencabar kredibiliti dan kebolehpercayaan keterangan saksi disebabkan ketidakupayaan saksi.

Mangsa dalam kes *Mohd Jaffri bin Wazin v Public Prosecutor* [2024] MLJU 1060 merupakan anak kandung perayu yang merupakan OKU masalah pembelajaran (lembam). Mangsa berusia 15 tahun pada tarikh kejadian dan telah berusia 17 tahun semasa memberi keterangan di mahkamah. Disebabkan ketidakupayaannya itu, satu inkuiri menurut seksyen 133A Akta Keterangan 1950 telah dibuat terlebih dahulu bagi menentukan sama ada mangsa (SP12) memahami sumpah dan kewajipan bercakap benar. Mahkamah berpuas hati bahawa mangsa faham kewajipan itu dan mangsa telah diarahkan mengangkat sumpah sebelum memberikan keterangan. Pihak pembelaan telah menyoal balas dengan panjang lebar untuk mencabar kredibilitinya dan membuktikan mangsa merupakan saksi tidak boleh dipercayai. Hakim bersetuju dengan alasan penghakiman oleh hakim bicara yang mensabitkan tertuduh berdasarkan keterangan mangsa dan keterangan saksi pendakwaan yang lain untuk membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh. Hakim bicara telah menyaksikan dan mendengar sendiri keterangan saksi dan saksi-saksi lain dan mendapati mereka bercakap benar. Hakim juga merujuk kepada seksyen 157 Akta Keterangan 1950 berkenaan pernyataan dahulu oleh saksi boleh dibuktikan bagi menyokong testimoni yang kemudian mengenai fakta yang sama dan seterusnya mengekalkan sabitan terhadap perayu.

Jelas daripada kes-kes yang dibincangkan bahawa kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan saksi OKU di mahkamah adalah berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang yang dibincangkan terdahulu. Setiap kes mempunyai fakta dan saksi yang berbeza, maka isu kerelevanan dan kebolehterimaan hendaklah diputuskan berdasarkan fakta kes itu sendiri. Keterangan sokongan (*corroboration*) amatlah penting untuk membuktikan kes terhadap tertuduh kerana sabitan dengan hanya keterangan saksi OKU adalah tidak selamat.

KESIMPULAN

Isu cabaran dan kesukaran komunikasi di mahkamah semasa peringkat pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula terhadap saksi OKU adalah isu realiti dan setiap kes adalah berbeza dengan yang lain. Tiada satu kes yang sama walaupun melibatkan pertuduhan yang sama. Kepada saksi OKU, keadaan ini merupakan suatu limitasi kepada kemahiran kognitif yang mungkin membawa kepada ketidakupayaan mengingat maklumat, lambat memproses maklumat, lambat dalam pembacaan dan penulisan atau kesukaran memberi jawapan kepada soalan yang diberikan sama ada oleh pihak pendakwaan atau pihak pembelaan. Ini ditambah lagi dengan cabaran komunikasi yang berpunca daripada penggunaan terma undang-undang yang sukar difahami, struktur ayat yang kompleks, soalan penuh muslihat dan lain-lain faktor berkaitan.

Seksyen 136 Akta Keterangan 1950 memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah yang mendengar sesuatu kes untuk memutuskan tentang kebolehterimaan keterangan termasuk keterangan yang dikemukakan melalui saksi OKU. Justeru, hakim bicara perlu memastikan bahawa kuasa budibicara untuk menentukan kerelevanan dan kebolehterimaan dilaksanakan dengan adil menurut peruntukan undang-undang. Pihak pendakwaan dan peguambela sebagai pegawai mahkamah juga perlu memainkan peranan berkesan dengan menghujahkan peruntukan undang-undang dan autoriti relevan bagi membantu hakim membuat keputusan berdasarkan peruntukan undang-undang.

RUJUKAN

- Ab Hamid, Z. & Mustafa, M. (2021). The Position of Unsoundness of Mind, Mentally Challenged and Deaf-Mute Witness. [2021] 1MLJ lxi
- Alagan, S. (2020). Law of Evidence: A Commentary. Sweet & Maxwell.
- Ali, M. (2022). Fulfilling the Needs of Person with Disabilities in the Courtroom International Journal of Law and Politics Studies ISSN: 2709-0914 DOI: 10.32996/ijlps
- Azmi, N. dan Mat Basir, S. (2020). Ratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Hak Orang Kurang Upaya: Implikasi dan Realiti dari Dimensi Perundangan dan Kesamarataan. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia, 32(2), 297-319
- Baharudin, I. N. & Ramli, F. Z. M. (2020). Orang Kurang Upaya (OKU) Menurut Perspektif Al-Quran dan Hadis. e-Proceeding of the 2nd International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2020 (THIQAH 2020)
- Benedet, J. (2007). Hearing the sexual assault complaints of women with mental disabilities: Evidentiary and procedural issues. McGill Law Journal, 52. 515
- Ghafar, A. A. (2014). Special measures' applications for victims and vulnerable and intimidated witnesses in Malaysia: New frontiers to right to a fair trial? UUM Journal of Legal Studies, 5, 93-117

- Hakimin, M. A., Ahmad, K. & Abdullah, M. (2022). Autistik Dari Perspektif Undang-Undang dan Hukum Islam. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* Vol. 6 June 2022, No. E-ISSN 2590-3799
- Jaafar, H. J., Wahab, H. A. & Yaacob, N.(2018). Undang-Undang di Malaysia dan Jaminan Hak Orang Kurang Upaya Untuk Bekerja. *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid 19, Keluaran Khas (Bil 3) 57–68
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2016). *Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022*
- Krishnamoorthi, C., Shariff, A. A. M., Yahya, M. A. & Zairiasdi, M. M. A. (2022). Adakah Penyediaan Kemudahan Awam Untuk Orang Kurang Upaya di Malaysia Mencukupi? Satu Tinjauan Sosio-Perundangan Ringkas. *Journal of Muwafaqat* Vol. 5, No. 2, 2022, pp. 73-85
- Md Tah, I. H. & Mokthar, K. A. (2018). Konsep Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia: Suatu Analisis (Basic Human Rights for Persons with Disabilities in Malaysia: An Analysis): *Kanun; Undang-Undang Malaysia*, 30 (1) 71-99
- Morrison, J., Bradshaw, J., & Murphy, G. (2021). Reported communication challenges for adult witnesses with intellectual disabilities giving evidence in court *The International Journal of Evidence & Proof* 2021, Vol. 25(4) 243–263
- Omar, H., Marimuthu, S. B., & Mahali, M. (2018). *Law of Evidence in Malaysia*. Sweet & Maxwell. Second Edition.
- Ortoleva, S. (2020). Inaccessible Justice: Human rights, persons with disabilities and the legal system. *ILSA Journal of International & Comparative Law*, 17. 281.
- PBB. *Konvensyen Tentang Orang Kurang Upaya*. (2007). Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
- Rahman, A. A. (2018) Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf Ar-Riqab di Malaysia. 2018. *Jornal of Fatwa Management and Research*. Vol. 12 No. 1 April 2018.
- Roslan, M. A., Hashim, H., Baharuddin, A. S., & Rahman, A. A. (2021). Analisis literatur tentang tatacara perbicaraan jenayah syariah bagi orang kurang upaya di mahkamah syariah. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(1), 247-271. <https://doi.org/>
- Tahir, Z., Thambapillay, S., Yusoff, J. Z. M. & Rahman, A. S. A. (2020). Undang-Undang Berkenaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan di Malaysia (Laws Concerning Disabled Persons: An Analysis of Legal Development in Malaysia). *The Malaysian Journal of Social Administration* 14, 96-114
- Yunus, M. I. M. (2022). *The Eyes of the Law: Cases, Materials and Commentaries*. Penerbitan Anaasa Plt.

Laman Web

<https://api.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1271256/peniaga-pasar-malam-tak-mengaku-rogol-pelajar-oku-hingga-hamil>

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-bella-siti-bainun-ke-penjara-kajang-jalani-hukuman-penjara-12-tahun-417859>

<https://api.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1238095/simbah-oku-air-panas-wanita-dipenjarakan-10-tahun-denda-rm6000>

Statut

Akta Keterangan 1950

Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007

Akta Orang Kurang Upaya 2008

Akta Sumpah dan Ikrar 1949

Kes

Buventhiran A/L Paramasivam v Public Prosecutor [2024] MLJU 1122

Chai Kor lwn PP [1965] 2 MLJ 208

Kee Lik Tian lwn PP [1984] 1 MLJ 306

Md Amin bin Lajat lwn PP [2013] 8 MLJ

Mohamad Akhir bin Bakar lwn PP [2019] 12 MLJ 597

Mohd Jaffri bin Wazin v Public Prosecutor [2024] MLJU 1060

Pendakwa Raya lwn Siti Bainun bt Ahd Razali [2023] MLJU 1423 824

PP v Hamli Ak Mudai and Another Case [2021] MLJU 1767

R v Baskerville [1916] 2 KB 648

Saipuddin bin Abdul Aziz and Others v Pendakwa Raya [2009] MLJU 456

Shahmirul bin Salleh lwn PP [2011] MLJU 1005